

16/12/1998

Hubungan positif Asean perlu dipelihara: Mahathir

Jamhariah Jaafar in Hanoi

HANOI, Selasa - Pemulihan ekonomi di negara-negara anggota Asean hanya boleh dipercepatkan dalam persekitaran serantau dan antarabangsa yang baik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menyeru Asean supaya mematuhi prinsip-prinsip asas dalam mengendalikan hubungan di kalangan negara-negara anggotanya.

Menurutnya, walaupun krisis ekonomi serantau memberi tekanan kepada hubungan antara negara-negara Asean dan gagasan itu sendiri, Asean masih berdaya untuk keluar daripada krisis itu.

"Malaysia percaya hubungan positif antara negara-negara Asean perlu sentiasa dipelihara," katanya ketika berucap pada Sidang Kemuncak Asean Keenam, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, negara-negara anggota Asean perlu berpegang kepada pendekatan, kaedah kerja dan prinsip Asean berhubung mengendalikan hubungan antara negara-negara anggota seperti yang terkandung dalam pelbagai deklarasi, perjanjian dan pernyataan gagasan itu selama ini.

"Kerjasama Asean selama 30 tahun memberikan Asia Tenggara kestabilan dan perpaduan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi serta peningkatan taraf hidup yang begitu cemerlang.

"Malangnya, krisis ekonomi benar-benar menguji ketahanan negara-negara anggota Asean. Kesatuan kita dan hubungan antara negara-negara anggota sedikit sebanyak terjejas," katanya.

Perdana Menteri berkata, reaksi Asean terhadap cabaran yang melanda rantau ini telah mencipta gambaran seolah-olah `Asean berbelah bahagi, anggota-anggotanya sesama sendiri.'

Walaupun tidak menjelas lebih lanjut, Dr Mahathir dipercayai merujuk kepada beberapa ketegangan yang berlaku di kalangan negara anggota Asean sejak kegawatan ekonomi melanda rantau ini setahun lalu.

Beliau adalah ketua negara kelima berucap pada upacara pembukaan pagi ini selepas Perdana Menteri Vietnam, Phan Van Khai, selaku tuan rumah; Sultan Hassanah Bolkiah dari Brunei; Presiden Indonesia, BJ Habibie dan Perdana Menteri Laos, Sisavat Keobounphanh.

Ketua negara lain yang turut hadir di sini ialah Presiden Filipina, Joseph Ejercito Estrada; Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dan Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai.

Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen, hadir sebagai pemerhati.

Dr Mahathir berharap, sidang kemuncak kali ini dapat membantu merangsang persekitaran untuk hubungan lebih positif dan pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap.

"Kerana itu saya gembira dengan Deklarasi Hanoi yang akan kita tandatangi nanti dan Pelan Tindakan Hanoi yang akan kita laksanakan, kerana ia akan dapat mengukuhkan kembali pelbagai prinsip dan tindakan yang telah kita persetujui selama ini.

"Malaysia benar-benar menyokong daya usaha yang mensasarkan matlamat untuk mengukuhkan kerjasama ekonomi serantau dan menyatupadukan asas-asas ekonomi di kalangan negara anggota Asean.

"Kami akan bekerjasama dengan rakan Asean untuk mengukuh dan menyuntik semula rantau ini daripada gangguan luaran sebanyak yang mungkin.

"Kami juga akan terus menyokong integrasi ekonomi yang lebih padu dan penyegeraan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta)," katanya memberi komitmen Malaysia.

Bercakap lebih lanjut mengenai krisis ekonomi, Perdana Menteri berkata ia telah memiskinkan ekonomi Asean dan menggugat kestabilan negara anggota.

"Jutaan manusia sudah dibuang kerja, manakala yang lain menyaksikan kuasa membeli mereka berkurangan begitu drastik. Perniagaan, besar dan kecil telah muflis.

"Kehidupan sosial rakyat rantau ini tergugat teruk. Kerana itu Malaysia mengalu-alukan langkah-langkah yang dicadangkan dalam Pelan Tindakan Hanoi untuk meningkatkan pembangunan sosial dan menangani kesan sosial akibat daripada krisis ini serta merta," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir turut menyuarakan kepentingan mesyuarat ketua-ketua Asean dengan tiga rakan dialog mereka, Jepun, China dan Korea Selatan, kerana sebarang usaha oleh tiga negara terbabit bukan sahaja memberi kesan ke atas Asia Tenggara bahkan kepada ekonomi secara global.

"Malaysia menghargai komitmen China yang tidak menurunkan nilai mata wangnya, serta usahanya ke arah pemulihan ekonomi dan pertumbuhan domestik.

"Malaysia juga mengalu-alukan pemulihan yang dilalui oleh Jepun membabitkan sektor kewangannya dan usaha Jepun dalam menyediakan pakej langkah-langkah sokongan bernilai AS\$30 bilion untuk membantu negara-negara Asia mengatasi kesukaran ekonomi sekarang," katanya.

Di samping itu, Dr Mahathir yang mengalu-alukan keputusan Menteri-menteri Kewangan Kumpulan Tujuh (G7) pada Oktober lalu untuk mengukuhkan sistem kewangan antarabangsa, memberi amaran:

"Tetapi kita mesti ingat bahawa mereka melihat isu itu daripada sudut mereka yang jauh lebih tinggi. Masalah kita mungkin tidak akan menerima perhatian kita.

"(Kerana itu) Kita perlu mencari forum yang lebih sesuai untuk membincangkan keperluan kita," katanya.

(END)